

PROGRAM PEMBAIKAN RUMAH RAKYAT TERMISKIN (PROGRAM BANTUAN RUMAH)

PENGENALAN

Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Miskin (kini dikenali sebagai Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin) telah diperkenalkan pada tahun 2008 sebagai usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan kediaman yang selamat dan selesa kepada golongan miskin di Pulau Pinang. Program ini melibatkan dua (2) skop iaitu pembaikan rumah dan pembinaan rumah baharu.

SYARAT-SYARAT

Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut untuk dipertimbangkan di bawah Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Bermastautin dan berdaftar sebagai pengundi di negeri Pulau Pinang;
- c) Berumur 35 tahun ke atas;
- d) Berdaftar dan disahkan dalam Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah sebagai miskin atau berpendapatan isi rumah RM2,500 dan ke bawah;
- e) Memiliki tanah sendiri dengan keluasan bersesuaian atau bagi bukan pemilik tanah perlu mendapatkan Surat Akuan Bersumpah (AM80) dari pemilik tanah (perlu kemukakan salinan geran tanah), atau pemegang Lesen Pendudukan Sementara (perlu mengemukakan salinan kelulusan LPS dan bayaran cukai);

Di bawah skim Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin, keutamaan adalah diberikan kepada kategori pemohon seperti berikut:

- a) Keluarga/Ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan isi rumah melebihi 5 orang.
- b) Warga emas (60 tahun ke atas), uzur* dan orang kurang upaya (OKU).

- c) Mangsa bencana alam (ribut, banjir dan kebakaran) yang tidak mendapat bantuan lain seperti insuran.
- * Perlu mendapatkan laporan kesihatan dari Klinik Kesihatan / Hospital Kerajaan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah.

PERUNTUKAN

Kos maksima bagi Program Bina Baru adalah berjumlah RM56,000.00 dan Program Baik Pulih Rumah adalah berjumlah RM42,000.00. Kos ini adalah merangkumi kos tambahan, kos kontigensi dan kos-kos lain berkaitan. Peruntukan bagi Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin akan disalurkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah. Siasatan dan perakuan di buat di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah melalui Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah.

PENCAPAIAN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2021

Sejak tahun 2008 hingga 2021, sejumlah 1340 orang telah mendapat manfaat di bawah Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin dengan 203 penerima di bawah Program Bina Baru dan 1137 penerima di bawah Program Baik Pulih Rumah.